

## Waktu operasi PMA, UTC untuk urusan pasport dipendekkan

Oleh Samadi Ahmad - Ogos 11, 2022 @ 4:35pm

[bh@cnews.com.my](mailto:bh@cnews.com.my)



Waktu operasi pejabat pengeluar Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Semenanjung Malaysia akan berubah berkuat kuasa Isnin ini berikutan trend statistik permohonan PMA yang semakin berkurangan pada sesi malam. - Foto hiasan NSTP

PUTRAJAYA: Waktu operasi bagi pejabat pengeluar Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Semenanjung Malaysia akan berubah berkuat kuasa Isnin ini.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, berkata perubahan masa berikutan trend statistik permohonan PMA yang semakin berkurangan pada sesi malam.

Pejabat pengeluar PMA di semua negeri dan cawangan akan beroperasi bermula 8 pagi hingga 7 malam pada hari bekerja.

Bagi Perlis, Pahang, Terengganu dan Kedah operasi akan bermula 8 pagi hingga 5 petang.

"Pejabat pengeluar PMA semua negeri dan cawangan akan beroperasi 8 pagi hingga jam 12.30 tengah hari pada Sabtu kecuali Perlis, Pahang, Terengganu dan Kedah," katanya dalam kenyataan.

Pada April lalu, selaras peningkatan jumlah permintaan permohonan PMA selepas pembukaan sempadan negara, Imigresen melanjutkan waktu operasi di semua Pejabat Pengeluar PMA dan UTC di Semenanjung Malaysia hingga 10 malam.

Ia membabitkan Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka manakala Pulau Pinang, Kedah, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perlis hingga 6 petang bertujuan mengatasi kesesakan.

Khairul Dzaimie berkata, bagi pejabat UTC waktu operasi adalah 8 pagi hingga 9 malam pada hari bekerja kecuali Perlis, Pahang, Terengganu dan Kedah beroperasi dari 8 pagi hingga 5 petang.

Semua pejabat UTC termasuk Perlis, Pahang, Terengganu dan Kedah turut beroperasi dari 8 pagi hingga 5 petang pada hujung minggu.

Imigresen meminta orang ramai yang telah membuat permohonan PMA terutama secara dalam talian perlu membuat kutipan dengan kadar segera bagi mengelak pembatalan.

Ketika ini ada lebih 9,000 PMA yang telah dicetak namun masih belum diambil pemohon.